



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

31 MEI 2023 (RABU)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

31 MEI 2023 (RABU)

Saya tidak mahu jadi menteri munafik - Salahuddin

MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub mengakui tidak mahu menjadi menteri munafik dengan menafikan berlaku ketirisan dan penyelewengan bekalan minyak masak bersubsidi di negara ini.

Namun beliau menegaskan, kerajaan melalui pasukan penguasaan tidak akan berhenti untuk terus menjalankan pelbagai operasi untuk menghentikan ketirisan bekalan walaupun mereka sering berdepan dengan ugutan dan ancaman bunuh.



'Tak mahu jadi menteri munafik'

Salahuddin akui pasukan penguatkuasaan berdepan ugutan kartel ketika bertugas

SHAH ALAM

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub mengakui pihaknya melalui pasukan penguatkuasaan sering berdepan dengan ugutan dan ancaman bunuh daripada kartel sepanjang melakukan pemantauan aktiviti penyeludupan minyak masak di negara ini.

Ujar Salahuddin, beliau tidak menafikan bahawa wujudnya kartel-kartel yang terdiri daripada pembekal dipercaya terlibat dengan isu ketirisan minyak masak bersubsidi.

Bagaimanapun beliau tidak

berhenti sebaliknya akan tetap berdepan dengan pihak-pihak tersebut dan berunding bagi memastikan masalah tersebut dapat diatasi.

"Adakah berlaku ketirisan (bekalan minyak masak) atau penyelewengan? Ada, saya tidak mahu jadi menteri yang munafik."

"Jadi kita hadapi. Cara hadapi, itu skill (kemahiran) kita, sebab mereka ini pemain-pemain industri. Nak langgar sembarang tidak boleh, mereka pembekal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Program Town Hall Rakyat yang berlangsung di Kompleks Karangkraf pada Isnin.

Salahuddin menjadi tetamu keempat dalam program yang dihoskan Azhar Sulaiman.

Sesi Town Hall Rakyat sebelum ini telah menampilkan Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Dalam pada itu, ulas



Salahuddin dalam Program Town Hall Rakyat yang berlangsung di Kompleks Karangkraf pada Isnin.

Salahuddin, keperluan negara untuk rakyat membeli minyak masak paket adalah sebanyak 60,000 tan sebulan.

Tegasnya, pegawai penguat kuasa dengan bantuan kerajaan akan menggunakan

kuasa sepenuhnya bagi mengawal dan memastikan keberadaan bekalan barang itu mencukupi di pasaran.

"Gula kita perlukan minimum 42,000 metrik tan sebulan. Itu bahan-bahan asas yang mesti

berada di pasaran, rakyat boleh dapat untuk beli."

"Sebarang penyelewengan, sorok atau seludup ke luar sempadan, saya rasa setiap minggu ada kalangan mereka yang ditangkap dan didakwa," ujarnya.

Tiada kenaikan harga barang kawalan - Salahuddin

SHAH ALAM - "Tidak berlaku sebarang kenaikan harga bagi barang kawalan di negara ini".

Demikian tegas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Seri Salahuddin Ayub, sebaliknya kesemua 14 harga barang kawalan yang telah ditetapkan di dalam jadual kerajaan tidak pernah naik.

"Ada dakwaan mengatakan harga barang-barang asas ini naik tanpa kawalan. Bagi saya nota (maklumat) apa dia barang-barang kawalan yang naik. Sebenarnya barang-barang kawalan yang kerajaan kawal sepenuhnya tidak naik,

contohnya 14 barang kawalan yang kita telah tetapkan dalam jadual, ada yang bersubsidi, ada yang tidak.

"Sebagai contoh gula biasa yang bertapis. Gula kasar harganya RM2.85 sekilo, halus RM2.95 sen sekilo. Tidak pernah naik, jadi mana hujah mengatakan harga barang naik," kata beliau.

Bagaimanapun jelasnya, berlaku kenaikan harga barang yang tidak stabil melibatkan beberapa barang keperluan rakyat antaranya sayur-sayuran.

"Kita tidak nafikan ada barang-barang keperluan berlaku turun naik seperti sayur tertentu disebabkan cuaca," katanya.



Seorang penonton bertanyakan soalan kepada Salahuddin.



Sedia pertimbang wujudkan Menu Rahmah di IPTS

Antara penonton yang hadir menyaksikan Program Town Hall Rakyat Bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sedia mempertimbang cadangan supaya diwujudkan Menu Rahmah di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, sememangnya menjadi hasrat kerajaan untuk membantu se-ramai mungkin rakyat yang terbeban dengan kos sara hidup.

"Insya-ALLAH beri saya masa adakan libat urus (dengan pihak berkaitan) untuk wujudkan Menu Rahmah (di IPTS).

"Sebelum ini, saya akui hanya sempat fokus kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) (dan) insya-ALLAH pegawai saya akan mula menerokai (untuk wujudkan Menu Rahmah di IPTS)," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan yang diajukan tetamu yang hadir.

Pada Februari lalu, kerajaan melalui kementerian yang diterajui Salahuddin memperkenalkan Menu Rahmah iaitu hidangan makanan pada harga RM5 dan ke bawah, khusus untuk golongan miskin tegar.

Menu yang diperkenal itu merangkumi nasi, ayam atau ikan dan saur dengan mendapat kerjasama Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia dan Persatuan Pengusaha Tomyam Malaysia.

Program yang bertujuan untuk membantu meringankan beban rakyat tersebut turut diperluas ke beberapa IPTA dan mendapat kerjasama pengusaha restoran makanan segera.

Beri tempoh lima tahun

Dalam memastikan Malaysia muncul kembali sebagai negara perindustrian sektor pertanian

SHAH ALAM

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub meminta rakyat agar memberi kerajaan tempoh lima tahun untuk memperkasakan kembali jentera pertanian negara.

Ujar beliau, langkah itu secara langsung bertujuan memastikan Malaysia muncul kembali sebagai negara perindustrian sektor pertanian yang penting dari segi keterjaminan makanan.

"Dengan kestabilan politik pada

hari ini, bagi kami (tempoh) lima tahun. Saya rasa kita akan dapat merencanakan kembali jentera pertanian kita ini untuk Malaysia, insya-ALLAH menjadi antarā negara pengeluar dan pengeksport makanan, paling tidak pun dalam rantau Asia Selatan," katanya.

Dalam pada itu, ulas Salahuddin, setiap visi yang dilontarkan oleh Perdana Menteri itu perlu disambut dengan cepat.

Menurutnya, kolaborasi dengan pelbagai kementerian perlu dilakukan dengan mengadakan perbincangan bagi menyelesaikan isu-isu rakyat terutamanya melibatkan keterjaminan makanan.

"Kita harus melihat Malaysia bergerak sebagai sebuah negara yang akhirnya mampu mewujudkan *self-sufficient level* (tahap sara diri)," ujarnya.

Sementara itu, beliau mengakui tanggungjawabnya dalam menerajui kementerian itu sangat

berat dan mencabar.

"Saya akui kementerian ini paling sukar kerana setiap waktu berhadapan dengan emosi rakyat, tentang harga (barang) dan sebagainya.

"Apabila melibatkan perasaan manusia, itulah cabaran besarnya tetapi Alhamdulillah sudah masuk bulan ketujuh ini (ia semakin mudah) kerana keyakinan saya kepada ALLAH dan hasrat kita untuk bantu rakyat," kata-nya.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, kementeriannya akan terus memfokuskan kepada usaha mengurangkan beban kos sara hidup yang ditanggung rakyat terutamanya golongan miskin tegar.

Usaha itu katanya, bagi memastikan tidak ada rakyat yang akan kelaparan disebabkan tiada makanan di rumah untuk dihidangkan kepada keluarga.



SALAHUDDIN

KPDN bina pangkalan data lebih sistematis

DUNGUN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan membina sistem pangkalan data mangsa banjir lebih sistematis bagi menarik banyak penglibatan syarikat insurans dalam pelaksanaan Insurans Rahmah yang akan dilancarkan Jun ini.

INSURANS
RAHMAH

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, menerusi pangkalan data yang dibina dengan kerjasama pelbagai agensi itu, ia akan meyakinkan syarikat insurans terkemuka negara untuk tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di seluruh negara.

"Data mangsa banjir itu akan dikumpul daripada pusat bencana. KPDN akan bekerjasama dengan antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) supaya data itu dapat diperkemas.

"Kita tidak mahu berlakunya sasaran yang tidak tepat. Kelak nanti syarikat insurans akan lebih yakin untuk perkenalkan pakej mereka. Ketika ini sudah ada tiga syarikat insurans jenama besar menyatakan komitmen mereka untuk membantu mangsa bencana," katanya.

- Bernama

LENSA



Pengarah Eksekutif Grup Media Karangkraf, Farah Hussamuddin (depan, tiga dari kanan); Ketua Pengarang *Sinar Harian*, Zamri Ramli (depan, dua dari kiri); Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaaffar (belakang, tiga dari kiri); Penasihat Bersama Kumpulan Karangkraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah (belakang, lima dari kiri) dan tetamu jemputan lain merakam kenangan bergambar bersama Salahuddin.



Salahuddin dan Azhar Sulaiman berjabat tangan sebelum Program Town Hall Rakyat berlangsung pada Isnin.



Orang ramai tidak melepaskan peluang berswafoto bersama Salahuddin.



Salahuddin tekun mendengar pertanyaan daripada penonton yang hadir.



FUZIAH (dua dari kiri) dan Mohd. Saharuddin (kiri) memeriksa bekalan gula di sebuah gudang di Kuala Terengganu semalam.

Dua pengeluar gula terbesar beri jaminan pengeluaran mencukupi

Bekalan gula cukup Aidiladha

KUALA TERENGGANU — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan bekalan gula adalah mencukupi untuk keperluan di seluruh negara menjelang musim perayaan Hari Raya Aidiladha pada akhir bulan ini.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, bagi memastikan keberadaan bekalan gula di pasaran, KPDN telah mengarahkan agar dua syarikat pengeluar gula tempatan mengagihkan stok gula pasir kasar dan halus mengikut kuota ditetapkan kepada pemborong.

Beliau berkata, Central Sugar

Refinery Sdn. Bhd. (CSR) dan MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) akan mengeluarkan bekalan gula mengikut kapasiti ditetapkan iaitu masing-masing 24,000 dan 18,000 metrik tan.

"KPDN juga akan memantau rangkaian agihan pengeluaran bekalan di semua peringkat bagi memastikan stok sentiasa mencukupi di pasaran untuk memenuhi permintaan pengguna," katanya di sini semalam.

Terdahulu, beliau yang diiringi Pengarah KPDN Terengganu, Mohd. Saharuddin Kia memeriksa sebuah syarikat pemborong gula di sini.

Fuziah berkata, KPDN juga

telah melanjutkan tempoh Ops Manis bagi memastikan bekalan gula sentiasa mencukupi menjelang Aidiladha.

Jelas beliau, operasi tersebut sepatutnya berakhir kelmarin, namun telah dilanjutkan sehingga 30 Jun ini bagi memastikan semua pihak mematuhi peraturan jualan ditetapkan.

"Pelaksanaan Ops Manis adalah serampang dua mata bagi memulihkan gangguan bekalan gula di setiap lapisan rantai pembekalan, memastikan tidak berlaku pembelian panik dan pematuhan undang-undang dialmalkan oleh setiap peniaga.

"Ia juga memudahkan KPDN

mengawal dan memantau ke atas keberadaan inventori stok penimbang gula (stockpile) di kilang atau gudang penyimpanan serta memastikan tiada isu penyelewutan gula ke negara jiran," katanya.

Fuziah menambah, KPDN optimis keputusan kerajaan membenarkan penjualan gula putih bertapis jernih bakal menjadi alternatif baharu kepada lebih ramai pengguna selepas ini.

"Secara tidak langsung dapat menjamin kecukupan bekalan gula kasar dan gula halus di pasaran tempatan.

"Jadi selepas ini harapnya tidak masalah lagi," ujarnya.

Guna kepala prime seleweng diesel di Kuantan

KUANTAN – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) Pahang berjaya merampas kira-kira 16,000 liter minyak diesel bersubsidi di sebuah gudang penyimpanan di kawasan perindustrian Indera Mahkota 14, di sini.

Ketua Penguat Kuasa KPDN Pahang, Muhamad Radzi Johari memberitahu, dalam serbuan berkenaan, pihaknya turut merampas tiga buah kepala lori prime, sebuah treler tangki minyak dan tiga set pam dengan nilai keseluruhan rampasan RM454,400.

Katanya lagi, pihaknya juga telah menahan dua lelaki tempatan dan seorang lelaki berbangsa Rohingya yang berada di gudang berkenaan.

"Dua lelaki tempatan yang ditahan merupakan pemandu lori, manakala lelaki berbangsa Rohingya pula adalah penjaga gudang terbabit.

"Modus Operandi sindiket ini adalah menggunakan beberapa



MUHAMAD RADZI menunjukkan kepala lori prime yang digunakan untuk menyeleweng diesel bersubsidi di sekitar Kuantan semalam.

buah kepala lori jenis prime mover untuk mengutip minyak diesel di beberapa buah stesen minyak di sekitar Kuantan," katanya ketika ditemui dalam sidang akhbar,

di sini semalam.

Menurutnya, penemuan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi berkenaan merupakan hasil risikan pihaknya

selama seminggu yang membawa kepada penemuan gudang tersebut yang dijadikan tempat pengumpulan minyak diesel bersubsidi.

Katanya, dalam serbuan kira-kira pulak 11 pagi itu menemui tiga buah kepala lori prime mover yang berada di dalam gudang tersebut dengan satu daripadanya sedang memindahkan minyak daripada tangki lori ke dalam sebuah skid tank.

"Turut ditemui di dalam gudang berkenaan adalah dua buah skid tank berisi minyak diesel dengan anggaran 16,000 liter, sebuah treler tangki minyak dan tiga set pam yang digunakan untuk pemindahan minyak dari tangki lori ke skid tank dengan kesemua nilai sitaan berjumlah RM454,400,"ujarnya.

Tegas beliau, pihaknya memberi amaran keras terhadap mana-mana individu atau syarikat yang berkaitan supaya sentiasa mematuhi perundangan yang ditetapkan.

KPDN jamin gula cukup

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan bekalan gula terkawal dan mencukupi untuk memenuhi keperluan pengguna menjelang perayaan Aidiladha.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, kementerian juga memberi jaminan masalah kekurangan bekalan gula yang berlaku sebelum ini tidak berulang.

Beliau berkata, pemantauan secara berterusan juga akan dilaksanakan termasuk pada peringkat pemborong selain turut memperhebatkan Op Manis bagi memantau harga dan stok gula.

"Kita sekarang menyampaikan inisiatif kepada semua iaitu yang pertama kepada pengilang bahawa mereka tidak boleh kurangkan jumlah pengeluaran gula biasa walaupun ada gula kategori lain.

"Itu arahan dan kita akan kawal pihak pengeluar (selain) kita juga akan sentiasa meman-

tau pihak pemborong dan sekiranya ada aduan daripada rakyat ada pihak yang menjual gula biasa ini dengan harga lebih mahal sila buat aduan kepada kami dan penguat kuasa kami akan turun.

"Kita sedaya upaya mengambil tindakan untuk memastikan ia dalam kawalan, tetapi kalau ada sesiapa yang mengambil kesempatan, sila buat aduan (kerana) rakyat boleh menjadi 'King Maker', " katanya selepas mengadakan lawatan di premis pemborong gula

di sini, semalam.

Sementara itu, Fuziah berkata, setakat ini, kedudukan bekalan gula membabitkan 16 pemborong utama di Terengganu berjaya dipulihkan ke tahap 1,845.5 tan.

Beliau berkata, pihaknya juga meminta pengguna tidak membuat pembelian panik kerana tindakan berkenaan boleh menjaskan rantai gula di pasaran.



Fuziah Salleh

KPDN jamin gula cukup menjelang Aidiladha

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan bekalan gula terkawal dan mencukupi untuk memenuhi keperluan pengguna menjelang Aidiladha.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, kementerian juga memberi jaminan masalah kekurangan bekalan gula yang berlaku sebelum ini tidak akan berulang.

Beliau berkata, pemanfaatan secara berterusan juga akan dilaksanakan termasuk di peringkat pemborong selain turut memperhebatkan Op Manis bagi memantau harga dan stok gula.

"Kita mahu menyampaikan mesej kepada semua iaitu yang pertama kepada pengilang bahawa mereka tidak boleh kurangkan jumlah pengeluaran gula biasa walaupun ada gula kategori lain.

"Itu arahan dan kita akan

kawal pihak pengeluar (selain) kita juga akan sentiasa memantau pihak pemborong dan sekiranya ada aduan daripada rakyat ada pihak-pihak yang menjual gula biasa ini dengan harga lebih mahal sila buat aduan kepada kami dan penguat kuasa kami akan turun.

"Kita sedaya-upaya sudah mengambil tindakan untuk memastikan ia dalam kawalan tetapi kalau ada sesiapa yang mengambil kesempatan, sila buat aduan (kerana) rakyat boleh menjadi *king maker*," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan lawatan di premis pemborong gula di sini, semalam.

Sementara itu, Fuziah berkata, setakat ini kedudukan bekalan gula membabitkan 16 pemborong utama di Terengganu berjaya dipulihkan ke tahap 1,845.5 metrik tan.



FUZIAH (dua dari kanan) bersama Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd Kia (dua dari kiri) meninjau bekalan gula selepas mengadakan lawatan di premis pemborong gula di Terengganu. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

Sindiket guna kepala lori angkut diesel tumpas

Pihak berkuasa bongkar taktik terbaru, tahan 3 lelaki

Oleh Khairulmizan Yahya
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Selepas taktik mengubah suai lori untuk menyeleweng diesel bersubsidi berjaya dihidu pihak berkuasa, sindiket dikecaskan mengubah modus operandi mereka dengan menggunakan kepala lori jenis *prime mover*.

Tindakan itu akan menyurarkan pihak berkuasa untuk mengesannya kerana tidak menjadi kesalahan untuk lori berkenaan mendapatkan minyak diesel yang diisi terus ke tangki lori.

Bagaimanapun, taktik itu tidak bertahan lama apabila Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Pahang menerima maklumat hasil risikan dan maklumat awam mengenai modus operandi terbaru sindiket.

Taktik itu berjaya dibongkar KPDN selepas menyerbu sebuah

gudang yang dijadikan tempat mengumpul diesel bersubsidi di kawasan perindustrian Indera Mahkota 14 di sini, kelmarin.

Ketika serbuan kira-kira jam 11 pagi itu, pasukan penguasa KPDN Pahang menemui

kan tiga kepala lori prime mover dalam gudang berkenaan yang mana satunya sedang memindahkan diesel dari tangki lori ke sebuah tangki simpanan (*skid tank*).

Tangki diesel 16,000 liter

Ketua Penguat Kuasa KPDN Pahang, Muhamad Radzi Johari, berkata turut ditemui dalam gudang berkenaan, dua tangki simpanan berisi diesel dengan anggaran 16,000 liter, sebuah treler tangki minyak dan tiga set pam yang digunakan untuk pemindahan minyak.

"Dalam serbuan berkenaan, kami juga berjaya menahan tiga lelaki berusia lingkungan 30-an, termasuk seorang warga asing dengan dua lelaki tempatan itu adalah pemandu lori, manakala warga asing terbabit penjaga gudang berkenaan.

"Semua lori, diesel dan peralatan digunakan disita dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM454,400.

"Kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961," katanya.

Menurutnya, sindiket berkenaan didapati berselindung di sebalik gudang cat yang di tinggalkan dan kemungkinan mereka menyewanya.



Mohamad Radzi (kanan) pada sidang media rampasan diesel di Kuantan.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

Guna tiga kepala lori 'prime mover' sedut diesel bersubsidi

Kuantan: Selepas taktik mengubah suai lori untuk menyeleweng diesel bersubsidi dihidu pihak berkuasa, sindiket yang menjalankan aktiviti itu dikesan mengubah modus operandi mereka menggunakan kela-

pala lori *'prime mover'*. Tindakan seperti itu menyukarkan pihak berkuasa mengesannya kerana tidak menjadi kesalahan untuk lori berkenaan mendapatkan minyak diesel yang disisi-

terus tangki lori. Tetapi, taktik mereka ti-

dak kekal lama apabila Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sar-

Aidup (KPDN) Pahang me-

nerima maklumat hasil ri-

sikan dan maklumat awam

mengenai modus operandi terbaharu mereka.

Taktik itu dibongkar KPDN selepas menyérbu gudang yang dijadikan tempat mengumpul diesel bersubsidi di kawasan perindustrian Indera Mahkota 14 di sini, kelmarin.

Ketika serbuan jam 11 pagi itu, pasukan penguat kuasa KPDN Pahang menemukan tiga kepala lori *Prime Mover* dalam gudang berkenaan yang mana satu daripadanya sedang memindahkan diesel dari tangki lori ke tangki simpanan (*skid tank*).

Ketua Penguat Kuasa KPDN Pahang Muhamad Radzi Johari berkata, turut ditemui dalam gudang ber-

kenaan, dua tangki simpanan berisi diesel dengan anggaran 16,000 liter, sebuah treler tangki minyak dan tiga set pam yang digunakan untuk pemindahan minyak.

"Dalam serbuan berkenaan, kami menahan tiga lelaki berusia 30-an termasuk seorang warga asing yang mana dua elak tempatan itu adalah pemandu lori, manakala warga asing terbabit adalah penjaga gudang berkenaan.

"Semua lori, diesel dan peralatan digunakan itu diisit dengan nilai keseluruhan berjumlah RM454,400.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961," katanya.



MUHAMAD Radzi (kanan) menunjukkan diesel bersubsidi yang disedut daripada kepala lori (*prime mover*) ke tangki simpanan bagi tujuan penyeludupan.

HARI	:	RABU
TARIKH	:	31/5/2023
M/SURAT	:	11



Bootleg fuel ring

Pahang Domestic Trade and Cost of Living Ministry officials demonstrate how smugglers drain subsidised diesel fuel from a prime mover truck into a storage tank at a press conference in Kuantan. — Bernama

HARI : RABU
TARIKH : 31/5/2023
M/SURAT : 3



Sweet news

Warehouse workers arranging sugar packets to be sold to retailers at Shanghai Hung Chong Trading in Kuala Terengganu. The Ministry of Domestic Trade and Costs of Living mobilised 114 officers to monitor and deal with the issue of sugar shortage through Ops Manis. To date, a total of 377 sugar-related inspections have been carried out throughout the state, covering the wholesale and retail sectors. The supply issue is now almost resolved. — Bernama



MEDIA ONLINE (KPDN)

31 MEI 2023 (RABU)

BERITA ONLINE BERTARIKH 31 MEI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
31-May	KPDN jamin isu kekurangan gula tak berulang menjelang Aidiladha	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1107934/kpdn-jamin-isu-kekurangan-gula-tak-berulang-menjelang-aidiladha/	BH
31-May	Bekalan gula mencukupi menjelang Aidiladha	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/260949	SH
31-May	KPDN jamin bekalan gula mencukupi sehingga Aidiladha	https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/kpdn-jamin-bekalan-gula-mencukupi-sehingga-aidiladha/	KOSMO
31-May	KPDN jamin bekalan gula mencukupi sehingga Aidiladha	https://www.thesundaily.my/cerita/kpdn-jamin-bekalan-gula-aidiladha-mencukupi-HE11041897	THESUNDAILY
31-May	Bekalan gula dijamin cukup menjelang Aidiladha	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/bekalan-gula-dijamin-cukup-menjelang-aidiladha/	UM
31-May	KPDN beri jaminan isu kekurangan gula tak berulang menjelang Aidiladha	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/972398/kpdn-beri-jaminan-isu-kekurangan-gula-tak-berulang-menjelang-aidiladha/	HM
31-May	Bekalan gula untuk Aidiladha mencukupi	https://www.buletintv3.my/nasional/bekalan-gula-untuk-aidiladha-mencukupi/	BULETINTV3
31-May	Guna kepala lori prime mover seleweng diesel	https://malaysiagazette.com/2023/05/30/guna-kepala-lori-prime-mover-seleweng-diesel/	MALAYSIAGAZETTE
31-May	KPDN Pahang rampas 16.000 liter minyak diesel	https://pahangmedia.my/kpdn-pahang-rampas-16000-liter-minyak-diesel/	PAHANGMEDIA

31-May	KPDN Pahang tumpaskan sindiket penyeludupan minyak diesel	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pahang-tumpaskan-sindiket-penyeludupan-minyak-diesel-421788%3famp=1	ASTROAWANI
31-May	Immediately report shortage of essential items to KPDN, consumers told	https://www.theborneopost.com/2023/05/30/immediately-report-shortage-of-essential-items-to-kpdn-consumers-told/	THEBORNEOPOST
31-May	Usaha selesai masalah rakyat	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/260899	SH
31-May	Rahmah Insurance: Domestic Trade Ministry to build systematic flood victim database with interagency cooperation, says Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/05/30/rahmah-insurance-domestic-trade-ministry-to-build-systematic-flood-victim-database-with-interagency-cooperation-says-salahuddin/71707	MALAYMAIL
31-May	Skim insurans Rahmah mangsa banjir dilancar bulan depan	https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/skim-insurans-rahmah-mangsa-banjir-dilancar-bulan-depan/	KOSMO
31-May	Insurans Rahmah: KPDN bina pangkalan data mangsa banjir lebih sistematis	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/261016	SH
31-May	Insurans Rahmah: KPDN bina pangkalan data mangsa banjir lebih sistematis	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2193731	BERNAMA
31-May	KPDN akan memperkemas sistem pangkalan data mangsa banjir	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-akan-memperkemas-sistem-pangkalan-data-mangsa-banjir/	BULETINTV3
31-May	Rahmah Insurance: KPDN to build systematic flood victim database with interagency cooperation	https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/197292	SINARDAILY
31-May	Rahmah Insurance: KPDN to build systematic flood victim database with interagency cooperation	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2193726	BERNAMA
31-May	Govt to build flood victim database to attract Rahmah Insurance providers	https://www.themalaysianinsight.com/s/445096	THEMALAYSIANINSIGHT

31-May	Insurans Rahmah: KPDN bina pangkalan data mangsa banjir lebih sistematis	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/insurans-rahmah-kpdn-bina-pangkalan-data-mangsa-banjir-lebih-sistematis-421822%3famp=1	ASTROAWANI
31-May	KPDN perkemas data mangsa banjir	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1108040/kpdn-perkemas-data-mangsa-banjir	BH
31-May	Warga Thailand didenda RM25,000 seludup diesel	https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/warga-thailand-didenda-rm25000-seludup-diesel/	UM
31-May	Penyeludup warga Thailand mengaku salah simpan diesel didenda RM25,000	https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/penyeludup-warga-thailand-mengaku-salah-simpan-diesel-didenda-rm25000/	KOSMO